

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, June 20, 2019 2:31 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Fahami Mukjizat Teragung – Jangan Malu Belajar Al-Quran Selagi Hayat Ada



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 JUN 2019 / 16 SYAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

FAHAMI MUKJIZAT TERAGUNG – JANGAN MALU BELAJAR AL-QURAN SELAGI HAYAT ADA



UUM ONLINE: "Ilmu yang ada dalam kitab ini memberi petunjuk, bila dihayati akan memberi rahmat, jadi bertualah orang yang diberi masa oleh Allah walau sesibuk manapun masih lagi sempat menuntut ilmu membedah isi al-Quran."

Demikian kata Pegawai Hal Ehwal Islam, Ustaz Mohd Yusnaidi Md Sabri dalam Kuliah Tafsir Al-Quran di Pusat Islam.

Menurutnya, Allah ceritakan dalam al-Quran perkara yang telah berlaku hari-hari, apabila selalu baca kita semakin rapat dengan Allah apa sahaja yang berlaku dalam kehidupan membawa kita kembali pada-Nya.

"Al-Quran bukan percakapan biasa dan memerlukan pemahaman ayat-ayat yang maknanya tidak berubah sampai bila-bila," ujarnya.

Jelasnya, Al-Quran diturunkan oleh Allah sejak lebih 1,400 tahun lalu melalui perantaraan Jibril kepada Nabi Muhammad SAW untuk seluruh manusia lebih-lebih lagi kepada orang Islam yang merupakan sumber ilmu pimpinan untuk kejayaan dunia akhirat.

“Tidak hairanlah bila orang bukan Islam membaca terjemahan al-Quran mereka terus mendapat maklumat yang betul sehingga terbuka hati untuk memeluk Islam

“Sayangnya, kita baca al-Quran dari kecil sampai tua tetapi kita tidak kisah bila tidak faham maknanya sedangkan al-Quran mukjizat teragung.

“Tuntutan daripada baca adalah untuk kita tahu, bila baca buku lain kita nak tahu kisahnya tetapi mengapa al-Quran jadi *double standard*, tak tahu tak apa.. asal baca, dapat pahala.

“Memang dapat pahala tetapi yang beri kesan kepada manusia ialah makna yang mampu mengubah masyarakat Arab Jahiliah dari kegelapan kepada cahaya setelah memahami kandungan surah dan mempraktikkan dalam kehidupan seharian,” katanya.

Melihat kehebatan dan kemuliaan al-Quran, sepatutnya kitab ini dipelajari dengan bersungguh-sungguh berbanding yang lain.

Jelasnya, usaha mempelajari kitab ini dimulai dengan belajar cara membaca lafaz ayat al-Quran dengan betul dan tepat dan tuntutan yang lebih penting ialah membaca dan melihat makna ayat-ayat.

Menurutnya, usaha pihak kerajaan Malaysia melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menerbitkan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman sejak tahun 1968 yang telah diulang cetak sebanyak 23 kali.

“Alhamdulillah usaha ini sedikit sebanyak membantu masyarakat Malaysia memahami wahyu Allah.

Dengan adanya Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, masyarakat Malaysia sudah mempunyai kemudahan untuk mempelajari makna al-Quran iaitu dengan membaca dan melihat terjemahan ayat-ayat yang telah dibaca agar dapat difahami maknanya.

“Zalim yang paling besar adalah syirik kepada Allah dan perlu dijauhi namun masyarakat hari ini tidak faham apa itu syirik akibatnya ramai yang terjebak, di sinilah pentingnya kita faham al-Quran,” luahnya.

Walaupun begitu pembelajaran makna al-Quran secara formal dan berguru amatlah penting bagi tujuan memahami al-Quran secara umum.

Menyedari peri pentingnya memahami wahyu al-Quran, Pusat Islam UUM melalui Bahagian Pendidikan dan Hubungan Luar mengorak langkah untuk memulakan Kelas Pengajian Tafsir al-Quran secara berterusan 30 Juzuk.

Kelas pengajian Tafsir al-Quran berterusan ini bertujuan untuk membolehkan staf dan pelajar serta masyarakat sekitar belajar makna al-Quran secara Talaqqi dan formal bermula dari Surah al-Fatihah hingga an-Nas.

Sejak dilaksanakan, kelas ini telah mencatatkan kehadiran 2,000 orang secara keseluruhan peserta yang melibatkan staf UUM dan masyarakat.

“Surah mengandungi banyak hikmah untuk membuka minda dan berjaya dunia akhirat semoga warga UUM dapat mengetahui makna al-Quran.

“Biarlah UUM memberi jasa kepada kita semua sebagai tempat mencari rezeki dan tempat kita belajar ilmu al-Quran kerana suatu hari nanti kita akan dijemput pulang menghadap tuhan yang Esa,” ungkapnya.

Sementara itu, staf Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP), Zamri Che Mai menyifatkan Kuliah Tafsir Al-Quran menjadi satu platform untuk memberi kefahaman kepada pengertian ayat-ayat Allah agar dihayati dalam kehidupan.

“Sebagai seorang yang beragama Islam sepatutnya Al-Quran menjadi satu budaya dalam hidup dan bacaan hari-hari sebagai panduan untuk menempuh kehidupan yang penuh mencabar serta membantu menyelesaikan permasalahan seharian.

“Jika kita membaca akhbar atau berita dari media, tidak sama dengan pembacaan Al-Quran, semakin dibaca walaupun berulang kali tidak jemu, walaupun kita membacanya sejak berusia 6 tahun sehinggalah kita berumur 60 tahun.

Pesanan saya, dampinglah al-Quran, baca dan hayatilah maknanya walaupun sekadar satu muka surat sehari. Kelazatan akan dirasai jika kita melazimkan diri insya-Allah.

“Saya mula mengaji tafsir sejak 2017 setiap hari Isnin jam 11.45 pagi hingga 1.00 petang, bermula dari kelas yang kecil di Bilik Komputer, Pusat Islam lama kelamaan peserta semakin bertambah sehingga bertukar lokasi ke Dewan Seminar,” kongsinya.

Rata-ratanya yang datang belajar tafsir terdiri dari pelbagai lapisan termasuk profesor, pegawai dan pesara untuk memahami kandungan surah supaya menjadi amalan yang menimbulkan keinsafan terhadap kehebatan mukjizat teragung ini.

“Kelas ini fokus untuk faham makna al-Quran dan mendahulukan Allah dalam setiap perkara, apabila faham mudah nak pindahkan dari bacaan kepada amalan seharian menariknya, bila pencen kita pencen dengan sebuah al-Quran yang lengkap dengan pemahaman,” tambahnya.

Ujarnya, Al-Quran banyak memberi nasihat yang berguna kepada manusia dari semua aspek apatah lagi kita terdedah kepada fitnah dunia selain bertindak sebagai pemelihara dan pemberi syafaat di sana nanti.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.